

# Alam Islam

## **Sebuah Bandar Baharu untuk Pelajar-Pelajar Islam di Mesir**

Al-Azhar, telah maju setapak lagi dalam lapangan memberi layanan dan keutamaan kepada pelajar-pelajar Islam yang datang menampung ilmu di Mesir dari seluruh dunia Islam.

Sebuah bandar baharu, mengandungi 41 buah bangunan besar yang boleh muat sepuluh ribu orang pelajar dari 54 buah negeri-negeri Islam, telah selamat dibuka baharu-baharu ini.

### **Satu Setengah Juta Pound**

Menurut akhbar "*al-Jumhūriyyah*" Mesir, bandar ini, yang memakan belanja satu setengah juta pound, bernama "*Madīnah al-Ba'ūth al-Islāmiyah*" (Bandar Pelajar-Pelajar Islam Dari Luar Negeri), dan terletak di bawah tadbir majlis tertinggi al-Azhar.

Pelajar-pelajar Islam yang berjumlah sepuluh ribu, yang sebelum itu ditempatkan dalam berbagai-bagai tempat di bandar Kaherah, sekarang telah dihimpunkan di sini, dalam 41 buah bangunan yang besar. Di antaranya 3 buah bangunan menjadi rumah kolej latihan, sebuah dijadikan hospital, dan sebuah lagi dijadikan tempat makan yang diperengkap dengan alat-alat moden. Dapur dan air mandinya menggunakan alat pembakar dan alat pemanas dari kuasa matahari.

Bandar ini diperlengkapi dengan padang-padang riadah dan sebuah dewan besar tempat ceramah dan syarahan.

Pelajar-pelajar Islam di sini, yang berjumlah sepuluh ribu orang, dan datangnya dari 54 buah negeri-negeri Islam terletak di bawah penyeliaan Dr. Muhammad al-Bahī (Penyelia Am Pelajar-pelajar) dan *al-Ustādh al-Shaykh* Sayyid Sābiq (Pengarah bandar itu)

### **Pelajar-pelajar Dari Indonesia**

Rombongan yang pertama dari pelajar-pelajar Islam yang telah tiba di Kaherah, dan kemudiannya ditempatkan di sini, ialah rombongan dari Indonesia, berjumlah 36 orang lelaki dan seorang perempuan bernama "Hafsah Intan". Pelajar perempuan ini sekarang sedang belajar di Kolej "Dār al-'Ulūm".

### **Kolej Latihan Pelajar-pelajar Luar Negeri**


Al-Azhar, univeristi Islam tertua di dunia ini, semenjak didirikan pada seribu tahun yang lalu, menjadi tumpuan pelajar-pelajar Islam dari seluruh dunia. Semenjak zaman yang berkurun-kurun lamanya itu al-Azhar menyiarkan

ilmu pengetahuan, peradaban Islam dan bahasa Arab. Tetapi manakala al-Azhar telah dibahagi-bahagikan kepada beberapa buah kolej seperti “Kuliah *al-Lughah al-‘Arabiyyah*”, “Kuliah *Uṣul al-Dīn*” dan beberapa buah lagi, dan oleh kerana pelajar-pelajar dari luar negeri ada di antara tidak mempunyai kelayakan untuk masuk belajar dalam kolej-kolej yang tersebut, kerana lemah dalam bahasa Arab, dan kerana tidak dapat menyamai pelajar-pelajar Arab, maka pihak penguasa al-Azhar pun mendirikan sebuah kolej latihan khas untuk pelajar-pelajar dari luar negeri, yang membolehkan mereka mencapai darjah kelayakan untuk belajar di Universiti al-Azhar.

Kolej latihan ini telah didirikan semenjak tahun 1947 dan pelajarannya di dalamnya dibahagikan kepada

tiga peringkat: *Ibtidā’iyyah* (Permulaan), *Thānawiyyah* (Menengah) dan *‘Ālamiyyah al-Ba‘ūth* Darjah Tinggi bagi pelajar luar negeri). Setelah lulus dalam peringkat yang akhir ini, pelajar itu berpeluang belajar dalam salah sebuah kolej di Universiti al-Azhar untuk mencapai *Shahādah*.

Pelajar-pelajar dalam kolej latihan ini terus bertambah-tambah pada tiap-tiap tahun. Pada mulanya (dalam tahun 1947) berjumlah 1,500 orang, tetapi pada tahun ini sudah mencapai angka 4,000 orang. Di antaranya 2,000 dari negeri Sudan, 350 dari Habsyah dan Somal (Somali Land), 200 dari Indonesia dan Tanah Melayu, 40 dari Turki, 30 dari negeri China dan 8 dari Rusia.



Gambar kenang-kenangan kerana meraikan saudara Abdul Manan bin Abdul Majid (bersongkok) Naib Yang di-Pertua Kesatuan Pelajar-pelajar Islam Johor, yang telah belajar ke Mesir baharu-baharu ini untuk melanjutkan pelajaran dengan perbelanjaan sendiri.